

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 29 / 04 / 2014 | SEKSYEN | NASIONAL |
| MUKA SURAT | 7 | RUANGAN | |

Tiada kes baharu Mers-CoV selepas pengawasan tamat

PUTRAJAYA - Tiada kes baharu dan tiada kluster jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (Mers-CoV) dilaporkan di seluruh negara menjadikan jumlah kumulatif kes itu kekal sebagai satu kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata tempoh pengawasan kesihatan selama 14 hari dari tarikh akhir dalam kalangan mereka atau kontak yang terdedah kepada satu kes kematian yang disahkan dijangkiti Mers-CoV di Johor tamat semalam.

"Secara kumulatif seramai 222 kontak berjaya dikesan dari seluruh negara dan kesemuanya berada dalam keadaan sihat.

"Tiada sampel dikesan positif jangkitan Mers-CoV dari 79 sampel yang diambil dari kontak rapat yang bergejala dan tidak bergejala," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kematian pertama negara akibat Mers-CoV melibatkan seorang lelaki berusia 54 tahun dari Johor, yang meninggal dunia setelah mengadu demam, batuk dan kesukaran bernafas, kira-kira 10 hari selepas mengerjakan umrah pada 29 Mac lalu.

Dr Noor Hisham berkata sehingga Sabtu lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menerima laporan sejumlah 261 kes Mers-CoV disahkan melalui ujian makmal yang meliputi 93 kematian dari seluruh dunia.

Katanya, kementerian akan memantau penularan penyakit tersebut dan maklumat terkini yang berkaitan boleh diperolehi di www.moh.gov.my. - Bernama